



Ceria menimba pengalaman di Chokchai Farm.

Kumpul maklumat industri agropelancongan, makanan halal

Bangkok: Lawatan enam hari di ibu kota Thailand, baru-baru ini, menyuntik banyak ilmu pengetahuan mengenai industri agropeLANCONGAN dan makanan halal kepada sekumpulan 14 pelajar Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program ilmiah yang turut disertai dua pensyarah jabatan itu membabitkan kunjungan ke empat lokasi untuk aktiviti pembelajaran dan pengumpulan maklumat, iaitu Chokchai Farm, Yayasan Pusat Islam, Gourmet Market dan Zoo Dusit.

Pengarah program, Muhammad Fajrul Kelana, berkata lawatan ke Chokchai Farm di Nakhon Ratchasima membolehkan peserta meninjau ladang lembu

tenusu integrasi itu yang ada lebih 1,000 ternakan, termasuk proses pemerahuan susu secara tradisional dan moden serta penghasilan produk tenusu.

Selain itu, peserta didedahkan kepada operasi pensijilan halal kendalian Yayasan Pusat Islam yang berperanan menyelaras semua aktiviti agama dan menjadi tumpuan umat Islam di sini berkumpul pada musim perayaan.

Piawaian tinggi

Bagi mengetahui sistem pemasaran dan kaedah pembungkusan produk pertanian di pasar raya negara itu pula, beliau berkata, pelajar melakukan tinjauan ke Gourmet Market yang menyaksikan pematuhan piawaian tinggi.

“Kami juga ke Zoo Dusit yang menempatkan 1,600 haiwan domestik dan antarabangsa. Maklumat diperoleh sepanjang beberapa jam di situ membantu kami lebih mendalamai bidang pengajian yang diikuti,” katanya.

Program itu dijayakan dengan sumbangan tajaan daripada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), syarikat korporat dan persendirian.

Melalui lawatan itu, Muhammad Fajrul berkata, peserta dapat membandingkan keupayaan dan kelebihan antara Malaysia dengan Thailand dalam aspek pemilikan sumber asli.



Peserta berpeluang menyaksikan proses pemerahuan susu di ladang.